



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JFP 312 - Kewangan Keusahawanan Dan Modal Teroka

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

SOALAN 1 [20 markah]

- (a) Jelaskan kaedah nilai kini bersih bagi menentukan nilai firma modal teroka dan nyatakan kelebihan kaedah ini. (14 markah)
- (b) Syarikat *buyout* mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan firma modal teroka. Terangkan perbezaan cabaran dalam menentukan nilai firma modal teroka dan syarikat *buyout*. (6 markah)

SOALAN 2 [20 markah]

- (a) Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh firma modal teroka untuk mendapatkan sumber modal bagi mengembangkan perniagaan. Mengapa sesebuah firma modal teroka memilih untuk melakukan tawaran awal awam? Jelaskan. (15 markah)
- (b) United Kingdom dan Amerika Syarikat mempunyai kitaran ekuiti persendirian yang sama walaupun ciri-ciri ekuiti modal teroka mereka berbeza. Secara ringkas, terangkan kitaran ekuiti persendirian bagi negara maju ini. (5 markah)

SOALAN 3 [20 markah]

- (a) Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti industri modal teroka sebagai salah satu sektor baru untuk membangunkan ekonomi negara ke arah status negara maju. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang mesti diatasi terlebih dahulu. Jelaskan **TIGA (3)** cabaran utama yang dihadapi oleh industri firma modal teroka di Malaysia. (12 markah)
- (b) Dalam struktur organisasi bagi firma modal teroka, terdapat beberapa jawatan yang mesti ada dalam struktur organisasi tersebut bagi membantu pihak pengurusan mencapai objektif syarikat. Terangkan **tugas utama** dan **kemahiran** bagi *associates* dalam struktur organisasi firma modal teroka ini. (8 markah)

SOALAN 4 [20 markah]

Bincangkan masalah kaedah kadar pulangan dalaman (*internal rate of return*) dalam mengukur prestasi sesebuah firma modal teroka.

(20 markah)

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Terangkan perbezaan prinsip pengurusan firma modal teroka berskala kecil dan firma modal teroka berskala besar.

(12 markah)

- (b) Tawaran awal awam dan pengambilahan merupakan dua kaedah yang popular dan efisien bagi penamatan syarikat modal teroka. Terangkan **DUA (2)** kaedah lain yang boleh diambil bagi membolehkan firma modal teroka keluar dari pasaran.

(8 markah)

- oooOooo -